

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL 3/1997

Pengeluaran Lesen Racun Jenis A Kepada Ahli-ahli Farmasi Berdaftar

Saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti mana Dato'/tuan sedia maklum, lesen racun jenis A dikeluarkan kepada ahli-ahli farmasi berdaftar di peringkat negeri untuk mengurusniaga dengan racun berjadual di bawah seksyen 26(2)(a), Akta Racun 1952 (Disemak 1989). Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian ini telah mengkaji semula beberapa surat pekeliling mengenai perkara ini yang telah dikeluarkan dahulu supaya dapat membuat dasar baru mengenai pengeluaran lesen racun jenis A untuk mencerminkan keperluan semasa.

3. Kementerian ini telah mengkaji beberapa aspek pengamalan oleh pemegang lesen racun jenis A termasuk perkara-perkara berikut: -

(a) Ketiadaan/kekurangan kawalseliaan di premis-premis borong oleh pemegang lesen termasuk keadaan di mana lesen dikeluarkan kepada mereka yang hanya bertugas beberapa jam seminggu sahaja di premis di bawah tanggungjawab mereka.

(b) Menggalakkan/meningkatkan pengamalan farmasi di premis-premis runcit supaya lebih ahli farmasi dapat memberi perkhidmatan professional sebagai ahli farmasi sambilan di premis runcit itu.

4. Berikut adalah keputusan yang dibuat:-

(a) Dasar di mana seorang ahli farmasi berdaftar dibenarkan satu lesen racun jenis A untuk satu premis perniagaan sahaja dikekalkan.

(b) Pengamalan farmasi yang melibatkan lebih ahli farmasi dalam pemberian khidmat "pharmaceutical care" berkualiti di premis-premis farmasi runcit harus digalakkan dan dipertingkatkan.

(c) Bagi mereka yang bertugas sepenuh atau separuh masa di syarikat, firma, atau institusi yang tidak mengurusniaga dengan racun berjadual, lesen racun jenis A untuk perniagaan borong boleh dikeluarkan kepada mereka di premis yang lain. Ini bermaksud mereka tidak boleh menjalankan tugas sebagai ahli farmasi sambilan bagi sebuah premis farmasi (borong).

(d) Bagi mereka yang disebutkan di 3(c) di atas, lesen racun jenis A untuk perniagaan runcit sahaja boleh dikeluarkan kepada mereka di sebuah premis farmasi runcit atas syarat farmasi runcit yang berkenaan mempunyai perkhidmatan seorang

ahli farmasi berdaftar utama atau "resident pharmacist" yang memegang lesen racun jenis A. Mereka (ahli farmasi sambilan) yang diberi lesen ini hendaklah memastikan bahawa waktu bertugasnya di syarikat/firma/institusi utama dan farmasi runcit tidak bertindih.

(e) Semua pemegang lesen racun jenis A adalah bertanggungjawab atas segala transeksi dan harus memastikan ia mematuhi peruntukan undang-undang di premis di mana mereka diberi lesen.

4. Surat pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat pekeliling ini. Pihak Dato'/tuan harus mengambil tindakan untuk menarik balik lesen racun yang dikeluarkan kepada mereka seperti yang disebutkan di perenggan 3(c) di atas. Tempoh enam bulan hendaklah diberikan kepada Ahli Farmasi yang terlibat untuk menyerahkan lesen beliau. Tempoh ini diberi supaya syarikat/firma farmasi yang berkenaan tidak mengalami kerumitan.

5. Dengan penguatkuasaan surest pekeliling ini, surat-surat pekeliling, Bil.(34)d/m.KKM-82/3/6 bertarikh 22 Januari, 1994, KKM-82/3/6 bertarikh 28 November, 1991 dan Bil.(1) d/m.KKM-82/2/6 Bhg.2 bertarikh 8 Januari, 1988 adalah dengan sendirinya dibatalkan.

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

(TAN SRI DATO'(DR.) ABU BAKAR BIN DATO' SULEIMAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.